

SANTAI



KETENGAH

TASIK 340 PULAU

Tahun Melawat Kenyir 2021 sajikan pelbagai program menarik di tasik buatan manusia seluas 38,000 hektar

Oleh Zatul Iffah Zolkiply
zatuliffah@hmetro.com.my

Keindahan dan keunikan Tasik Kenyir yang terletak di daerah Hulu Terengganu, Terengganu tidak dapat disangkal terutama bagi pencinta alam semula jadi.

Dikelilingi ratusan pulau kecil dengan tumbuhan subur hutan hujan tropika selain kehijauan air tasik antara terapi terbaik bagi mereka yang mahu melaikan diri daripada kesibukan kota raya. Keindahan yang ada

di tasik buatan manusia berkeluasan 38,000 hektar ini menjadikan Tasik Kenyir antara destinasi percutian pilihan ramai kerana pengunjung dapat melakukan pelbagai aktiviti di sini.

Menyukai kembali sejarah tasik ini, ia diwujudkan sebagai Kawasan Tadahan Air sekitar tahun 1980-an. Bagaimanapun, paras air di Sungai Kenyir naik mendadak

berikutnya pembinaan Empangan Jenagor hingga menenggelamkan sembilan perkampungan, hutan, bukit dan gunung sekali gus membentuk 340 buah pulau yang mempunyai keistimewaan tersendiri.

Selepas pembinaan Stesen Janakuasa Hidroelektrik Sultan Mahmud yang siap pada 1985, tasik berkeluasan 2091.99 kilometer persegi ini turut mengubah Tasik Kenyir menawarkan pelbagai aktiviti menarik sesuai untuk seisi keluarga seperti bermalam di atas rumah bot, memancing,

landskapnya.

Walaupun masih kekal sebagai tempat tadahan air, keunikan flora dan fauna yang ada di sini menarik perhatian pemancing ikan air tawar, pengembara hutan, pendaki gunung dan pengkaji sehingga Tasik Kenyir menjadi destinasi pelancongan yang wajib dikunjungi di Terengganu.

Tasik Kenyir

menawarkan pelbagai aktiviti menarik sesuai untuk seisi keluarga seperti bermalam di atas rumah bot, memancing,

KEDAMAIAAN dirasai dengan menginap dalam rumah bot Tasik Kenyir.

mandi-manda di air terjun, berkayak atau berakit, bermain bersama ikan kelah, memberi gajah makan, berjalan di dalam hutan atau gua iaitu Gua Bewah atau Gua Taat dan mendaki Gunung Gagau.

Tidak lupa bagi penggemar flora dan fauna beberapa taman seperti taman orkid, taman herba dan taman rama-rama antara aktiviti yang boleh dilakukan pengunjung yang datang ke tasik buatan ini.

Selain itu, operasi Zon Bebas di Pengkalan Gawi juga mampu melonjakkan lagi tasik ini sebagai destinasi pilihan pelancong.

Ketika ini, buat pengunjung terutama kaum ibu yang mahu membeli-belah barang bebas cukai seperti coklat, pinggan mangkuk dan beg boleh berkunjung ke kios yang dibuka di Pengkalan Gawi.

Pembangunan dibawa oleh Lembaga Kemajuan Terengganu Tengah (Ketengah), kerajaan Persekutuan serta kerajaan negeri membawa 1,001 kemudahan bagi memastikan keselesaan

pengunjung.

Malah, pelbagai acara menarik dirangka sepanjang tahun bagi memastikan tasik buatan manusia ini menjadi destinasi pilihan yang bukan hanya dapat melonjakkan sektor pelancongan negeri tetapi ekonomi penduduk setempat.

Tahun depan, buat julung kalinya Ketengah akan menganjurkan Tahun Melawat Kenyir 2021 (TMK2021) bagi meningkatkan kapasiti ekonomi penggiat pelancongan yang terkesan dengan pandemik Covid-19.

TMK2021 ini dirangka dengan pelbagai pengisian acara pada setiap bulan bermula Januari hingga Disember 2021 seperti Program Kenali Tasik Kenyir, Jalajah Eksprese Media Tasik Kenyir, Media & Blogger Exploration To Kenyir, Kenyir Fishing Grand Prix, Kenyir Fun Ride, Kenyir Explorace, Kenyir Festival, Kenyir Bird & Nature Guest, Kenyir Open Water Swimming & Stand Up Paddleboard Festival, Kenyir Kayak Challenge dan Kenyir Explorace 4x4.

RUMAH bot.

AIR terjun Lasir di Tasik Kenyir.

AKTIVITI di Santuari Ikan Kelah di Tasik Kenyir.

Keluaran:

2091.99 kilometer persegi

- Dikelilingi hutan hujan tropika tertua di dunia
- Keluasan membatikan bahagian barat Kelantan dan selatan Pahang, malah menjadi pintu masuk alternatif ke Taman Negara
- Siap dibina pada 1988
- Ada 340 pulau

Lokasi utama wajib dilawati:

- Air Terjun Lasir, Air Terjun Saok, Air Terjun Pertuang dan Air Terjun Tembat
- Gua Bewah dan Gua Taat
- Gunung Chergau: Pulau Chergau terbesar di Tasik Kenyir
- Gunung Lawit: Puncak tertinggi (1,519 meter dari paras laut)
- Gunung Gagau: Puncak kedua tertinggi (1,376 meter dari paras laut)
- Pulau Bayas, Sumas, Jelatang dan Batu Pipit

Kenyir Island Hoping (KH)

- Taman Rama-rama (Pulau Lubuk Geras: Lebih 100 jenis bunga bunga dan pokok renek)
- Taman Herba (Pulau Sah Kecil: 200 jenis pokok herba tradisional)
- Taman Orkid (Pulau Hulu Selimbar, Pulau Hilir Selimbar, dan Pulau Belit: Menanam puluhan spesis orkid)

Pusat santuari

- Santuari Kelah terletak di Sungai Petang

INFOGRAFIK

JMetro

TASIK KENYIR

TAHUN MELAWAT KENYIR 2021